

SILAT

Pesaka tarik diri jika Pesisir degil

B. Harian (M)
22 AUG 1988

MALAYSIA tidak akan menyertai kejuaraan silat di Singapura bermula Khamis ini, selagi negara itu masih berdegil menamakan kejohanan itu sebagai Kejuaraan Jemputan Sedunia Kelima, *lapor MOHD RAHIME YUSOF.*

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, berkata niat Singapura menjadi tuan rumah kepada kejuaraan silat bertaraf antarabangsa memang baik tetapi penggunaan perkataan 'Sedunia Kelima' sangat memerlukan jatkan.

Menurut beliau, pesilat-pesilat negara tidak perlu kesal dengan keputusan Pesaka memulakan kejuaraan itu, sekalipun latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu sekarang adalah persediaan ke Singapura.

Pesaka baru-baru ini mengumakan bantahan menerusi telex kepada Presiden Persekutuan Ikatan Silat Antarabangsa (Persilat) di Jakarta, Eddie M Nalapraya, tetapi belum menerima sebarang balasan.

Mesyuarat majlis Pesaka minggu lalu, memutuskan Persekutuan Silat Singapura (Pesisir) tidak wajar menganjurkannya kerana ia melanggar keputusan mesyuarat Persilat di Kuala Lumpur, Disember lalu yang menetapkan Kejuaraan Sedunia Kelima diadakan pada 1990.

Malaysia meminta Pesisir menggugurkan perkataan 'Sedunia Kelima'. Selain itu, ia juga dilarang menggunakan tiga piala pusingan yang diperkenalkan di Kuala Lumpur tahun lalu.

Abdul Rahman berkata, pihaknya tidak faham kenapa Pesisir meminta Malaysia menghantar hanya seorang pesilat lelaki dan lima wanita, sedangkan tuan rumah mengemukakan skuad penuh.

• Sabah menjuarai Kejohanan Seni Silat Polis Diraja Malaysia (PDRM), apabila mengalahkan Pusat Latihan Polis Air Hitam (Pulapah), Negeri Sembilan 8-2 di Dewan Hamzah, Klang kelmarin.

Pasukan yang pertama kali menyertai kejohanan itu diwakili oleh Muthu Kumar, John Matha, Sulai Selat, Muthu @ Izwan Ripin dan Makedoline.

Sementara Pulapah diwakili oleh Nurdin Udin, Vekapady, Zamani Yusuf, Mohd Zam Mohd Zin dan Koo Kai Kiat.

Kuala Lumpur menduduki tempat ketiga selepas mengalahkan Selangor 6-4. Dua belas pasukan mengambil bahagian.

SILAT UNDANGAN

Malaysia ancam pulaukan kejohanan

23 AUG 1988

KUALA LUMPUR — Malaysia memberi amaran bahawa mereka mungkin memulakan Kejohanan Pencak Silat Undangan Antarabangsa yang dijadualkan berlangsung di Dewan Sukan Bedok mulai 25 hingga 29 Ogos ini. *Annyanyi - 1*

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, dipetik sebagai berkata bahawa Malaysia tidak akan menyertai kejohanan tersebut selagi Singapura berdegil menamakan kejohanan ini sebagai Kejohanan Undangan Sedunia Kelima.

Menurut Rahman, niat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) menjadi tuan rumah kejohanan silat bertaraf antarabangsa itu memang baik, tetapi penggunaan 'Sedunia Kelima' sangat memerlukan jatkan.

"Pesilat-pesilat negara tidak perlu kesal dengan keputusan memulakan kejuaraan itu, sekalipun latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu merupakan persediaan untuk ke

Singapura telah berjalan," kata Setiausaha Pesaka itu.

Pesaka telah mengemukakan bantahan menerusi telex kepada Presiden Persekutuan Ikatan Silat Antarabangsa (Persilat) di Indonesia, Eddie, M. Nalapraya, tetapi belum menerima sebarang balasan.

Mesyuarat Majlis Pesaka minggu lalu, memutuskan Persisi tidak wajar menganjurkannya kerana ia melanggar keputusan mesyuarat Pesilat di Kuala Lumpur, yang menetapkan Kejuaraan Sedunia Kelima diadakan dalam 1990.

Malaysia meminta Persisi menggugurkan 'Sedunia Kelima'. Mereka juga dilarang menggunakan tiga piala pusingan yang diperkenalkan di Kuala Lumpur tahun lalu.

Setiausaha Pesaka itu juga tidak faham mengapa Persisi hanya meminta Malaysia menghantar seorang pesilat lelaki dan lima wanita, sedangkan tuan rumah mengemukakan skuad penuh. — BHM.

KEJUARAAN SILAT:

11 peserta siap sedia ke Singapura

B. Harian (M)

23 AUG 1988

MALAYSIA bersedia menghantar sebelas pesilat skuad pelapis Sukan SEA '88 ke Kejuaraan Silat di Singapura, Khamis ini, *lapor MOHD RAHIME YUSOF.*

Barisan pesilat itu dipilih berdasarkan latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu yang berakhir semalam. Mereka ialah Mohd Basri Abdul Rahman (Kelas A), Azmi Manaf (B), Meor Badrul Hisham Kamaruzaman (C), Wan Adnan Wan Isa (F), M Rajaretnam (G), Mazlan Abdul Samad (Bebas).

Pesilat-pesilat wanita ialah Nazrah Abdul Latif (A), Wan Amizah Wan Ahmad (B), Siti Haslina Shaharuddin (C), Rohana Manaf (D), Nor Anifah Abdul Rani (E).

Pengurus skuad kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata dia terpaksa bersedia daripada awal walaupun belum mendapat pengesahan daripada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengenai penyertaan ke kejohanan itu.

Shafie berkata sepanjang latihan pusat pemain-pemain menunjukkan peningkatan lebih baik daripada Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson, baru-baru ini.

Hanya Azmi Manaf dan Wan Amizah Wan Ahmad pernah bertarung di Kejuaraan Sedunia, Disember tahun lalu. Pesilat-pesilat lain dipilih daripada Kejuaraan Kebangsaan lalu.

Mengenai latihan, Haji Shafie berkata corak latihan ala-komando yang pertama kali diperkenalkan mencapai kejayaan lebih baik dari pada latihan peringkat pertama di Kuala Lumpur Jun lalu.

Menurutnya latihan ala-komando akan diteruskan Oktober ini, dan waktu latihan ditambah kepada dua minggu.

Katanya, latihan fizikal "dalam air" selama seminggu dan latihan teknik yang diberikan oleh empat jurulatih Pusat Cemerlang Majlis Sukan Negara (MSN) membantu meningkatkan prestasi pesilat-pesilat semasa latihan.

Haji Shafie berkata latihan pusat peringkat ketiga pada Oktober ini akan diadakan di Johor Bharu.